

Headline	Pokok ketum mungkin dikomersial		
MediaTitle	Kosmo		
Date	17 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	1,3	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	822 cm <sup>2</sup>
Journalist	AZHAR AHMAD	AdValue	RM 21,414
Frequency	Daily	PR Value	RM 64,242



# Kerajaan sedia benarkan rakyat tanam pokok ketum

DAUN ketum mempunyai pelbagai khasiat jika digunakan dengan sebaiknya termasuklah untuk merawat penyakit darah tinggi dan kencing manis.



ORANG ramai boleh menjana pendapatan sekiranya kerajaan membenarkan tanaman pokok ketum diusahakan secara komersial.

## Langkah terbaharu untuk jana pendapatan menerusi tanaman herba bagi tujuan perubatan

KERAJAAN bersedia untuk mengadakan perbincangan serta pertimbangan semula terhadap cadangan penanaman pokok ketum atau nama saintifiknya *mitragyna speciosa* yang memiliki nilai perubatan tinggi sebagai tanaman komersial untuk menjana pendapatan rakyat.

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji (gambar kecil) berkata, pihaknya sedia bertemu bagi mendapatkan pendapat pelbagai pihak termasuklah badan bukan kerajaan mengenai cadangan tersebut.

Beliau berkata, langkah tersebut selaras dengan usaha kerajaan



yang menyasarkan sumbangan industri herba kepada Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak RM2.2 bilion menjelang tahun 2020.

"Tiada masalah untuk membawa cadangan tersebut ke Kabinet tetapi kita mahu ia dilakukan secara

menyeluruh supaya tanaman pokok ketum dan tanaman pokok herba lain mampu memberikan manfaat dalam perubatan dan orang ramai," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Tumbuhan Ubatan dan Beraroma kali ke-15 di Auditorium Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia di Kepong, Kuala Lumpur semalam.

» BERITA DI MUKA 3



Headline	Pokok ketum mungkin dikomersial		
MediaTitle	Kosmo		
Date	17 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	1,3	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	822 cm <sup>2</sup>
Journalist	AZHAR AHMAD	AdValue	RM 21,414
Frequency	Daily	PR Value	RM 64,242

Kerajaan sedia bincang dengan NGO sebelum dibenarkan ditanam untuk tujuan perubatan

# Pokok ketum mungkin dikomersial

Oleh AZHAR AHMAD

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan sedia untuk mengadakan perbincangan serta pertimbangan semula terhadap cadangan penanaman pokok ketum sebagai tanaman komersial dalam masa terdekat.

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji berkata, pihaknya sedia bertemu bagi mendapatkan pendapat daripada pelbagai pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) mengenai perkara itu.

“Tiada masalah untuk dibawa ke peringkat Kabinet tetapi kita mahu ia dilakukan secara menyeluruh bagi memastikan tanaman herba seperti ketum dapat memberikan manfaat dalam perubatan sekali gus kepada orang ramai.

“Ia dapat dilakukan melalui kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI),” katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Seminar Tumbuhan Ubat dan Beraroma kali ke-15 (MAPS-15) yang bertemakan Merungai Khazanah dan Rahsia Alam Semula Jadi Spesies Pilihan Semasa di Auditorium FRIM, Kepong di sini semalam.

Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembentukan), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Azhah Ariffin dan Ketua Penger-



TENGGU ZULPURI SHAH



POKOK ketum mungkin dibenarkan untuk ditanam secara komersial di negara ini. – Gambar hiasan

## Risda tunggu kelulusan untuk tanam pokok ketum

LANGKAWI – Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) masih menunggu kelulusan kawal oleh Agensi Antidadah Kebangsaan. “Jangan salah faham, kita

KERATAN Kosmo! 20 April 2018.

rah FRIM, Datuk Abd. Latif Mohmod.

Kosmo! pada 20 April lalu melaporkan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) masih menunggu kelulusan daripada Pusat Racun Negara berhubung permohonan penanaman pokok ketum dikomersialkan bagi tujuan penyelidikan dalam bidang perubatan.

Ketika ini daun ketum dilarang dijual untuk tujuan komersial dan diharamkan di bawah Seksyen 30(5) Akta Racun 1952 kerana airnya

boleh menyebabkan ketagihan.

Jika sabit kesalahan, denda tidak melebihi RM10,000 atau empat tahun penjara atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan.

Menurut Tengku Zulpuri, FRIM juga dapat membantu bagi membangunkan kepakaran untuk mengenal pasti, menghasilkan bukti saintifik dan formulasi selain mendokumentasi sumber semula jadi dari hutan di negara ini ke arah menghasilkan ramuan aktif serta produk-produk yang dapat dikomersialkan.

### INFO Daun ketum

- Sejenis tumbuhan daripada famili Rubiaceae yang banyak terdapat di Afrika, di utara dan tengah Semenanjung Malaysia serta di Selatan Thailand

- Nama saintifik *Mitragyna speciosa*

- Pokok daun ketum boleh mencapai ketinggian antara empat dan lima meter namun jika dalam keadaan pertumbuhan yang baik akan menjangkau ketinggian 12 hingga 30 meter

- Tidak perlu penjagaan khusus kerana ia tidak mempunyai penyakit dan serangan serangga yang serius

- Daun ketum telah lama menjadi bahan perubatan tradisional sebagai minuman pemulih tenaga

- Daun ketum mengandungi bahan aktif *mitragynine* iaitu sejenis alkaloid psikoaktif

- Produk berasaskan daun ketum dijadikan sebagai teh uncang, jus dan ubat dalam bentuk kapsul di pasaran Amerika Syarikat dan Eropah untuk mengubati penyakit darah tinggi, kencing manis dan meningkatkan sistem daya tahan badan

Beliau berkata, negara mempunyai potensi tinggi untuk mengeluarkan produk-produk kesihatan, ubatan moden dan produk kosme-seutikal.

“Diharapkan usaha ini memberikan sumbangan secara langsung kepada pertumbuhan negara selaras matlamat utama kerajaan yang mensasarkan sebanyak RM2.2 bilion sumbangan industri herba kepada Pendapatan Kasar Negara menjelang tahun 2020,” jelasnya.